

# 2500 pelajar UMK jalan kaki bersama Tuanku Canselor

Oleh : Syarimie Wosley

Gambar : Al Azam Razi

Hebahan : [Berita@umk.edu.my](mailto:Berita@umk.edu.my)



KOTA BHARU – Seramai 2500 pelajar dan staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan menyertai Walkaton D’Raja Kelantan Walk With Me anjuran Pertubuhan Kerabat D’Raja Kelantan Al Muhammadi, yang bakal diadakan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke IV Kota Bharu, Kelantan, pada 13 Jun 2013.

Timbalan Naib Canselor UMK (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab Latif, berkata, pada program itu pelajar dan staf akan bersama-sama KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V selaku Canselor UMK berjalan kaki sejauh tiga kilometer, bermula dan berakhir di Stadium Sultan Muhammad IV.

Beliau berkata, program ini merupakan acara tahunan yang mendapat sambutan yang menggalakkan kerana jumlah penyertaan yang diterima meningkat setiap tahun dan pernah memahat sejarahnya tersendiri dalam The Malaysia Book Of Records sebagai pemegang rekod penyertaan terbesar dalam acara Walkaton D’Raja seramai 21,111 orang peserta.

“Untuk program Walkaton DiRaja 2013, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melantik UMK sebagai penyelaras di peringkat IPTA Kelantan sebagai penghargaan kepada KDYMM Sultan Muhammad ke V Kelantan selaku Canselor UMK.

“Pada program itu juga, seramai 2,500 pelajar dan staf terdiri daripada tiga buah IPTA Kelantan iaitu UiTM, USM dan UM Nilam Puri turut mengambil bahagian,” katanya.

Menurut Prof. Madya Abdul Aziz, usaha yang dilakukan oleh Pertubuhan Kerabat D’Raja Kelantan ini sewajarnya menjadi contoh positif bagi mengeratkan hubungan rakyat negeri Kelantan dengan Sultan, menyatukan setiap lapisan rakyat tanpa mengenal kaum, bangsa dan agama.





Tambah beliau, program ini juga turut menggalakkan budaya hidup sihat dan menjadi satu program ikon tahunan untuk tarikan pelancong ke negeri Kelantan Darul Naim.

“Selain itu, pihak Universiti berasa bertuah kerana dipilih untuk menyertai Walkathon DiRaja sebagai salah satu program amal dan kita akan sentiasa memberi sokongan dalam memastikan usaha penganjuran amal ini diadakan secara berterusan bagi menyalurkan sumbangan kepada pelbagai pihak yang memerlukan bantuan, ujanjnya.

